

Kembalikan Akta Antiberita Tidak Benar 2018

Oleh [Dr Mahyuddin Daud](#) - Disember 9, 2020 @ 12:00pm



PADA 16 November lalu, ada usul di Parlimen untuk mempertimbangkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 digubal semula, selepas dimansuhkan kerajaan sebelum ini.

Peruntukan sedia ada seperti dalam Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kanun Keseksan dikatakan cukup untuk membanteras berita palsu. Namun, isu berita palsu seperti tidak pernah selesai, malah lebih dahsyat ketika negara menghadapi pandemik COVID19.

Justeru, apakah Akta Antiberita Tidak Benar 2018 ini wajar dikembalikan? Ia mungkin satu undang-undang agak terburu-buru pernah dibuat dalam sejarah perundangan Malaysia. Rang Undang-Undang ini dibentangkan pada 27 Mac 2018 dan hanya memerlukan dua minggu untuk dibahaskan, diluluskan dan diwartakan, iaitu pada 11 April 2018.

ADVERTISING

Secara umum, Seksyen 4(1) melarang mana-mana individu membuat, menawarkan, menerbitkan, mencetak, atau menyebarkan berita palsu. Bagaimanapun, perbuatan ini mestilah dilakukan dengan sengaja untuk seseorang didapati bersalah di bawah peruntukan ini.

Sekiranya seseorang tidak mengetahui atau tidak menyedari maklumat dikongsi dalam talian adalah palsu, maka dia tidak melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4.

Tambahan pula, sesiapa yang memberikan bantuan kewangan untuk membantu melakukan kesalahan di bawah Seksyen 4, sama ada secara langsung atau tidak langsung, juga boleh didapati bersalah di bawah Seksyen 5.

Selanjutnya, akta ini memberi hak kepada individu teraniaya membuat permohonan secara ex parte kepada mahkamah supaya mengeluarkan perintah penghapusan penerbitan palsu.

Uniknya di sini, pihak yang menerima perintah mahkamah ini perlulah menurunkan kandungan itu seberapa segera, sesuai dengan sifat kandungan digital yang boleh berubah setiap saat.

ADVERTISING

Jika pihak itu berpendapat berita itu bukanlah palsu, maka dia boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk menyetepikan perintah itu.

Namun, jika penyebar berita palsu gagal menghapuskan berita palsu selepas perintah mahkamah dibuat, mahkamah boleh mengarahkan polis atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil langkah sewajarnya untuk menghapuskan penerbitan itu.

Namun, apa mekanisme langkah itu, tidak dijelaskan secara jelas menerusi akta ini. Sesetengah peruntukan di negara lain mengkhususkan tindakan secara pentadbiran boleh diambil, umpamanya notice and takedown yang berunsur lebih demokratik sesuai dengan amalan global.

Tindakan secara pentadbiran lebih responsif (berbanding tindakan di mahkamah) bagi mana-mana agensi atau individu terkesan dengan berita palsu itu, mengambil kira kepantasan teknologi digital yang boleh berubah setiap saat.

Seksyen 8(3) memperuntukkan tiada permohonan mengetepikan perintah penghapusan boleh dibuat jika ia datang daripada kerajaan. Secara umumnya, peruntukan ini bertujuan menjamin kedudukan kerajaan dalam membanteras berita palsu berkenaan isu berkepentingan awam dan dilihat wajar.

Namun, adalah lebih baik jika peluang membuat permohonan mengetepikan perintah penghapusan berita palsu turut diberi kepada mana-mana pihak untuk melaksanakan kebebasan bersuara secara bertanggungjawab.

Ini selaras Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan bersuara dalam kerangka perundangan ditetapkan.

Akta ini meletakkan bahawa pentingnya peranan mahkamah dalam menentusahkan sesuatu kandungan. Namun, jika diimbis semula proses itu, boleh jadi mahkamah akan dibanjiri kes untuk menentusahkan segala jenis berita di internet yang tidak berkesudahan.

Ini perlu dinilai semula kesesuaiannya demi menjamin keadilan terlaksana. Pihak berkuasa perlu memastikan setiap tindakan selaras peruntukan perundangan sedia ada supaya budaya semak imbang sentiasa subur.

Secara peribadi, cadangan mengembalikan akta ini seharusnya diteruskan dengan penambahbaikan yang perlu.

Tentunya dalam era Revolusi Industri 4.0, kita perlu mendokong kebebasan bermaklumat dalam kerangka perundangan yang ditetapkan dan penapisan internet secara rawak perlu dielakkan. Maka, akta ini perlu diperkenal semula dan ditambah baik dari semasa ke semasa, selaras hasrat ke arah pendigitalan negara.

Penulis adalah Pensyarah Kanan (Undang-undang Siber) di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)